

26/05/2000

Artikel Harakah bercanggah syarat permit: Saksi

KUALA LUMPUR, Khamis - Seorang pegawai Kementerian Dalam Negeri (KDN) hari ini berkata artikel yang diterbitkan dalam lidah rasmi Pas, Harakah pada Ogos tahun lalu tidak menepati syarat permit KDN.

Penolong Setiausaha Unit Kawalan dan Penerbitan KDN, Abdul Ghafar Dolah, 42, yang memberi keterangan di Mahkamah Sesyen di sini berkata, ini disebabkan berita yang disiarkan itu bertajuk: Liputan Pengakuan Sukma Hina Dan Jahat - Dr Chandra tidak mempunyai sebarang kaitan dengan maklumat atau aktiviti Pas. Dr Chandra Muzaffar adalah Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional.

Beliau yang memberi keterangan terhadap pengarang Harakah, Zulkifli Sulong, ditunjukkan artikel itu oleh Penolong Pendakwaraya Abdul Rahman Redza. Artikel itu disiarkan di halaman 40 Harakah, keluaran 2 Ogos tahun lalu.

Abdul Ghafar berkata, syarat yang ditetapkan perlu dipatuhi untuk mengelak lesen ditarik balik.

Katanya, antara syarat yang diberikan oleh KDN kepada Pas untuk memperbaharui lesen Harakah adalah supaya berita yang disiarkan hanya mengenai aktiviti parti itu.

Beliau berkata, akhbar itu pernah diberi 14 peringatan antara 1991 dan Disember 1999 disebabkan artikel yang disiarkannya.

Selain itu, katanya, Jabatan Penerangan dan Penyelidikan Pas Pusat yang menerbitkan Harakah, dikenakan bayaran RM50 setahun bagi lesen KDN jika dibandingkan dengan akhbar harian yang dikenakan bayaran RM3,000 setahun untuk memperbaharui lesen itu.

Beliau menjelaskan, ini disebabkan Harakah, jika dibandingkan dengan akhbar harian, hanya diedarkan di kalangan ahli Pas saja.

Abdul Ghafar adalah saksi ketiga pendakwa dalam perbicaraan kes terhadap Zulkifli, 37, yang dituduh menerbitkan artikel Dr Chandra Muzaffar itu yang didakwa berbentuk hasutan.

Perenggan yang disebut dalam tuduhan itu berbunyi: Adalah memalukan bahawa elemen-elemen di dalam pasukan polis, Pejabat Peguam Negara, mahkamah dan media bersedia diperalatkan dalam konspirasi yang terbesar yang dirancang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan konco-konconya, ujar beliau.

Zulkifli dihadapkan ke mahkamah pada 13 Januari lalu, dituduh melakukan kesalahan itu di 28A, Jalan Pahang Barat off Jalan Pahang di sini pada 2 Ogos lalu.

Terdahulu, saksi pertama pendakwa, Pengarah Urusan Harakah, Datuk Hishamudin Yahaya, 61, mendakwa artikel itu tidak bertujuan menghasut rakyat terhadap kerajaan, sebaliknya lebih kepada pendapat penulisnya, Dr Chandra Muzaffar.

"Pas adalah parti politik jadi apa saja yang berlaku dalam negara atau masyarakat adalah perhatian dan tegurannya. Aktiviti dan definasi Pas adalah luas.

"Apa-apa yang berlaku adalah teguran politik dan tidak semestinya ia tertakluk kepada berita ahli Pas meninggal, ahli Umno yang memasuki Pas atau sebagainya... skop itu terlalu kecil," katanya ketika disoal balas peguam Hasnan Hamzah.

Perbicaraan di hadapan Hakim Khadijah Idris bersambung esok.

(END)